FWD insurance BSN

# QasehLink Pintar Plus - Ilustrasi Jualan

| | | | |
|---|---|---|---|
| FWD Insurance Berhad | | Disediakan Oleh: | NURHUXXXZALINXXXINTIXXXXXXXXX HUSSIN |
| Level 21, Mercu 2, KL Eco City, | | Nama Cawangan: | BN |
| No.3 Jalan Bangsar, | | No. Sebut Harga: | 0511160003 |
| 59200 Kuala Lumpur, Malaysia | | Tarikh: | 17/07/2024 |

BACA

Adakah polisi berkaitan pelaburan sesuai untuk Anda? **Adakah Anda menyedari kos, manfaat dan risikonya?**

| Memahami simbol yang digunakan dalam dokumen ini | | |
|---|---|---|
| Tahukah Anda... | Adakah Anda telah dinasihati... | Adakah Anda telah diberitahu... |

## a. Ringkasan:

Berikut merupakan ringkasan manfaat-manfaat yang ditawarkan oleh Polisi ini serta kos untuk membeli Polisi ini.

| | |
|---|---|
| **Nama Institusi Kewangan:** | FWD Insurance Berhad<br>Pelan insurans ini adalah ditaja jamin oleh FWD Insurance Berhad, sebuah syarikat dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. |
| **Nama Produk:** | QasehLink Pintar Plus |
| **Jenis Polisi:** | Pelan Premium Berkala Insurans Berkaitan Pelaburan<br>(Polisi Induk) |
| **Jumlah Asas yang Diinsuranskan:** | RM 108,000.00 |
| **Tempoh Polisi Asas:** | 66 Tahun |
| **Tempoh Premium Asas:** | 66 Tahun |

| | Nama | Jantina | Umur Pada Hari Lahir Berikutnya Semasa Penyertaan | Status Merokok | Kelas Pekerjaan |
|---|---|---|---|---|---|
| Orang yang Diinsuranskan: | Hasif | Lelaki | 14 | Bukan-Perokok | 1 |
| Pemilik Polisi: | Maslinda | Perempuan | 31 | Bukan-Perokok | 1 |

| Ringkasan Produk | | | Jumlah Yang Diinsuranskan (RM) | Tempoh Polisi | Tempoh Premium | Kadar Kesihatan (%) | Premium (RM) |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| **Pelan Asas** | | | | | | | |
| QasehLink Pintar Plus | Premium Asas | NIAV | 108,000.00 | 66 | 66 | 0.00 | 1,200.00 |
| | Premium Tambahan Berkala | QRT2 | - | 66 | 66 | 0.00 | 600.00 |
| | | | | | | | |
| **Rider(s)** | | | | | | | |
| FWD IL PA | | QLP2 | 80,000.00 | 56 | 56 | 0.00 | 0.00 |
| FWD IL WOP | | OKB0 | 1,800.00 | 39 | 39 | 0.00 | 0.00 |
| | | | | | | | |
| **Premium** | | | | | | | **1,800.00** |

**Jumlah Premium**

Tahunan: RM 1,800.00 Setengah Tahunan: RM 900.00 Suku Tahunan: RM 450.00 Bulanan: RM 150.00

Sila tambah kadar semasa Cukai Perkhidmatan atas premium, jika Pemilik Polisi merupakan suatu pertubuhan perniagaan atau apabila hak Polisi ini diserahkan secara mutlak kepada suatu pertubuhan perniagaan.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/ POLISI/ PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

## b. Peruntukan Dana Anda:

| Pelaburan Premium Anda yang Diperuntukkan | |
|---|---|
| Nama Dana yang Dilaburkan | Nisbah Dana Pelaburan |
| Dana FWD Invest Dividend | 75% |
| Dana FWD Invest Bond | 0% |
| Dana FWD Invest-i Global Balanced Hedged | 25% |

Pemilihan dana-dana adalah di bawah kategori Tinggi.

## Bagaimana QasehLink Pintar Plus berfungsi

### Ia fleksibel tetapi Anda menanggung risiko pelaburan?

Ini adalah produk insurans yang terikat dengan prestasi dana pelaburan yang Anda pilih.

**Manfaat**

- **Fleksibiliti** untuk mengubah amaun premium atau perlindungan insurans Anda jika keperluan kewangan Anda berubah.
- **Dana pilihan** bergantung pada tahap risiko yang Anda selesaikan.

**Risiko**

- Anda menanggung **risiko pelaburan sepenuhnya** termasuk pulangan yang rendah.
- Sekiranya prestasi dana Anda kurang baik atau penanggung insurans Anda meningkatkan caj Anda:
  - Perlindungan insurans Anda mungkin berhenti; atau
  - Nilai akaun pelaburan Anda mungkin terjejas teruk.
- Anda mungkin perlu meningkatkan premium atau mengurangkan perlindungan insurans untuk mengelakkan kehilangan insurans Anda.

### Bagaimana premium Anda akan digunakan?




Nota: Apabila kematian, jumlah yang diinsuranskan atau nilai akaun pelaburan, yang mana lebih tinggi, akan dibayar

**Yuran dan caj** yang ditolak daripada dana pelaburan Anda yang mengurangkan amaun tersedia untuk pelaburan:-

- Caj insurans, caj perkhidmatan bulanan, caj pengurusan dana, caj pengeluaran separa dan caj pengeluaran penuh.

### Produk lain memenuhi keperluan Anda dengan lebih baik?

- **Produk Tanpa Penyertaan:** Manfaat dan tempoh perlindungan adalah terjamin sepanjang Anda membayar premium.
- **Produk Penyertaan:** Selain menerima manfaat yang terjamin dan mempunyai tempoh perlindungan yang terjamin, Anda boleh berkongsi keuntungan (tidak terjamin) dana hayat penyertaan.

## c. Ringkasan Ilustrasi:

### Jadual 1: QasehLink Pintar Plus (Untuk tujuan ilustrasi sahaja. Ini mungkin bukan manfaat yang akan Anda terima)

- Amaun premium yang ditunjukkan dalam lajur (a) dijangka cukup bagi dana unit/ nilai akaun pelaburan Anda untuk menyokong perlindungan insurans Anda bagi tempoh polisi penuh. Walau bagaimanapun, dari masa ke semasa, dana unit/nilai akaun pelaburan Anda mungkin lebih tinggi atau lebih rendah daripada jangkaan disebabkan oleh pelbagai faktor, termasuk turun naik dalam pulangan pelaburan. Anda akan menerima penyata tahunan mengenai kedudukan dana unit/nilai akaun pelaburan Anda terkini.
- Kami telah memilih dua contoh pulangan pelaburan, iaitu 2% (Senario X) dan 5% (Senario Y), untuk menunjuk Anda caj, dana unit/ nilai akaun pelaburan dan manfaat-manfaat yang mungkin. Untuk pulangan pelaburan lepas yang sebenar dana unit, sila rujuk kepada Lampiran Fakta Dana.

Sekiranya dana unit/nilai akaun pelaburan sebenar Anda menjadi lebih rendah daripada jangkaan, Anda akan dimaklumkan bahawa polisi Anda tidak mampu kekal berkuat kuasa, dan Anda akan dinasihatkan tindakan yang Anda mungkin boleh ambil untuk memastikan perlindungan insurans berterusan untuk tempoh polisi penuh, seperti meningkatkan premium Anda atau mengurangkan perlindungan insurans Anda.

**Jumlah yang perlu Anda <u>bayar</u>**

**Anda sepatutnya membeli rider yang Anda perlukan sahaja sebab Anda akan menanggungkan kos rider. Rider adalah tidak diwajibkan.**

**Apabila polisi matang atau pembatalan awal, Anda <u>mungkin</u> menerima amaun ini. (amaun adalah tidak dijamin)**

| Hujung Tahun Polisi | Premium Berbayar (a) | Premium Diperuntukkan (b) | | Caj Insurans[1] (c) | | | | Caj Lain-lain[1] (d) | Caj Pengurusan Dana (e) | | Jumlah Asas yang Diinsuranskan[3] (f) | Nilai Akaun Pelaburan Tidak Terjamin[4] (g) | | Manfaat Kematian Tidak Terjamin[2] | | Komisen[5](h) | | Umur Orang yang Diinsuranskan pada Akhir Tahun |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Polisi Asas | | Rider Penolakan Unit | | | | | | | | | | | | |
| | | | | Senario X | Senario Y | Senario X | Senario Y | | Senario X | Senario Y | | Senario X | Senario Y | Senario X | Senario Y | | | |
| | RM | RM | % | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | % | |
| 1 | 1,800 | 1,290 | 72% | 332 | 332 | 218 | 218 | 96 | 14 | 15 | 27,000 | 647 | 673 | 27,000 | 27,000 | 443 | 25% | 15 |
| 2 | 1,800 | 1,290 | 72% | 342 | 342 | 222 | 222 | 96 | 24 | 25 | 54,000 | 1,283 | 1,354 | 54,000 | 54,000 | 323 | 18% | 16 |
| 3 | 1,800 | 1,290 | 72% | 372 | 372 | 201 | 201 | 96 | 33 | 35 | 108,000 | 1,912 | 2,046 | 108,000 | 108,000 | 203 | 11% | 17 |
| 4 | 1,800 | 1,530 | 85% | 461 | 460 | 206 | 206 | 96 | 45 | 48 | 108,000 | 2,691 | 2,912 | 108,000 | 108,000 | 203 | 11% | 18 |
| 5 | 1,800 | 1,530 | 85% | 472 | 471 | 213 | 213 | 96 | 56 | 61 | 108,000 | 3,454 | 3,787 | 108,000 | 108,000 | 143 | 8% | 19 |
| 6 | 1,800 | 1,530 | 85% | 490 | 489 | 222 | 222 | 96 | 67 | 74 | 113,400 | 4,193 | 4,662 | 113,400 | 113,400 | 23 | 1% | 20 |
| 7 | 1,800 | 1,710 | 95% | 497 | 495 | 233 | 233 | 96 | 80 | 90 | 113,400 | 5,098 | 5,732 | 113,400 | 113,400 | 23 | 1% | 21 |
| 8 | 1,800 | 1,710 | 95% | 497 | 495 | 245 | 245 | 96 | 94 | 106 | 113,400 | 5,995 | 6,824 | 113,400 | 113,400 | 23 | 1% | 22 |
| 9 | 1,800 | 1,770 | 98% | 483 | 481 | 259 | 259 | 96 | 108 | 123 | 113,400 | 6,955 | 8,011 | 113,400 | 113,400 | 23 | 1% | 23 |
| 10 | 1,800 | 1,770 | 98% | 470 | 467 | 274 | 274 | 96 | 122 | 141 | 113,400 | 13,316 | 14,634 | 113,400 | 113,400 | 23 | 1% | 24 |
| 15 | 1,800 | 1,770 | 98% | 446 | 438 | 366 | 366 | 96 | 270 | 328 | 118,800 | 18,076 | 22,028 | 118,800 | 118,800 | 23 | 1% | 29 |

**Jumlah yang perlu Anda bayar**

**Anda sepatutnya membeli rider yang Anda perlukan sahaja sebab Anda akan menanggungkan kos rider. Rider adalah tidak diwajibkan.**

**Apabila polisi matang atau pembatalan awal, Anda mungkin menerima amaun ini. (amaun adalah tidak dijamin)**

| Hujung Tahun Polisi | Premium Berbayar (a) | Premium Diperuntukkan (b) | | Caj Insurans[1] (c) | | | | Caj Lain-lain[1] (d) | Caj Pengurusan Dana (e) | | Jumlah Asas yang Diinsuranskan[3] (f) | Nilai Akaun Pelaburan Tidak Terjamin[4] (g) | | Manfaat Kematian Tidak Terjamin[2] | | Komisen[5](h) | | Umur Orang yang Diinsuranskan pada Akhir Tahun |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Polisi Asas | | Rider Penolakan Unit | | | | | | | | | | | | |
| | | | | Senario X | Senario Y | Senario X | Senario Y | | Senario X | Senario Y | | Senario X | Senario Y | Senario X | Senario Y | | | |
| | RM | RM | % | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | % | |
| 20 | 1,800 | 1,770 | 98% | 437 | 423 | 453 | 453 | 96 | 335 | 447 | 124,200 | 27,865 | 35,579 | 124,200 | 124,200 | 23 | 1% | 34 |
| 30 | 1,800 | 1,770 | 98% | 594 | 516 | 472 | 472 | 96 | 535 | 842 | 129,600 | 41,469 | 62,624 | 129,600 | 129,600 | 23 | 1% | 44 |
| 40 | 1,800 | 1,770 | 98% | 1,162 | 663 | 112 | 112 | 96 | 711 | 1,375 | 129,600 | 53,437 | 99,248 | 129,600 | 129,600 | 23 | 1% | 54 |
| 50 | 1,800 | 1,770 | 98% | 2,649 | 222 | 112 | 112 | 96 | 801 | 2,169 | 129,600 | 58,883 | 153,918 | 129,600 | 153,918 | 23 | 1% | 64 |
| 60 | 1,800 | 1,770 | 98% | 8,692 | 222 | 0 | 0 | 96 | 443 | 3,288 | 129,600 | 31,404 | 230,652 | 129,600 | 230,652 | 23 | 1% | 74 |
| 66 | 1,800 | 1,770 | 98% | 0 | 222 | 0 | 0 | 96 | 0 | 4,184 | 129,600 | 0 | 289,936 | 0 | 289,936 | 23 | 1% | 80 |
| | | | | | | | | | | | | | | | Jumlah | 2,685 | 2% | |

[1] Caj insurans dan caj lain yang diilustrasikan adalah tidak dijamin dan boleh diubah dari semasa ke semasa dengan memberi notis sekurang-kurangnya 90 days kepada pemilik polisi, contohnya caj untuk rider perubatan boleh meningkat disebabkan kenaikan kos perubatan.

[2] Manfaat Kematian yang akan dibayar adalah Jumlah Yang Diinsuranskan atau Nilai Akaun Pelaburan, yang mana lebih tinggi.

[3] Jumlah Asas yang Diinsuranskan adalah termasuk Smart Protection di mana Jumlah yang Diinsuranskan, awal atau semasa, yang mana lebih rendah, akan ditingkatkan sebanyak 5% pada permulaan Tahun Polisi ke-6, ke-11, ke-16 dan ke-21.

[4] Nilai Akaun Pelaburan Tidak Dijamin di atas tidak termasuk sebarang caj pengeluaran separa atau penuh. Wealth Bonus RM5,400.00 akan dikreditkan ke dalam akaun pelaburan Anda setiap tahun Polisi ke-10 sehingga matang Polisi. Wealth Bonus adalah tidak dijamin dan tertakluk kepada terma dan syarat Polisi Anda.

[5] Amaun yang diterima oleh perantara untuk jualan Polisi ini dan perkhidmatan yang perantara akan memberi kepada Anda untuk tempoh Polisi Anda. Sila rujuk kepada panduan perkhidmatan untuk maklumat lanjut.

⚠ Jika bahagian tidak dijamin menjadi sifar/negatif, ini bermakna dana unit Anda tidak lagi dapat membayar perlindungan insurans Anda.

**FWD Insurance Berhad** 199301022976 [277714-A]
Level 21, Mercu 2, KL Eco City, No.3 Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur.
Customer Careline: 1300 22 6262 General Line: 03-2298 2000 E-mel: ask@fwd.com fwd.com.my

## Jadual 2: Rider (Pilihan)

1. Rider boleh memberi perlindungan tambahan atau meningkatkan manfaat sedia ada yang akan dibayar di bawah Kontrak Asas Anda.

2. Rider boleh dalam jenis:
   (i) Penolakan unit, di mana kos rider telah dimasukkan ke dalam premium Kontrak Asas Anda. Rider ini akan dibiayai dengan menolak caj dari dana unit Anda; dan
   (ii) Pembayaran premium, di mana kos rider tidak dimasukkan ke dalam premium Kontrak Asas Anda. Premium berasingan untuk membiayai kos rider akan diperlukan.

| Rider | Jenis | Premium Dibayar (RM) | Jumlah yang Diinsuranskan (RM) | Tempoh Perlindungan (Tahun) |
|---|---|---|---|---|
| FWD IL PA | Rider penolakan unit | Tidak berkenaan | 80,000.00 | 56 |
| FWD IL WOP | Rider penolakan unit | Tidak berkenaan | 1,800.00 | 39 |

**Caj Insurans untuk Rider Penolakan Unit Anda**

| Hujung Tahun Polisi | Caj Insurans (RM) | | | | | | Umur Orang yang Diinsuranskan pada Akhir Tahun |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | FWD IL CI (Accelerated) | | FWD IL Medicare | FWD IL PA | FWD IL Living Extra (WOP) | FWD IL WOP | |
| | Senario X | Senario Y | | | | | |
| 1 | N/A | N/A | N/A | 136.00 | N/A | 82.08 | 15 |
| 2 | N/A | N/A | N/A | 136.00 | N/A | 85.63 | 16 |
| 3 | N/A | N/A | N/A | 112.00 | N/A | 89.22 | 17 |
| 4 | N/A | N/A | N/A | 112.00 | N/A | 94.31 | 18 |
| 5 | N/A | N/A | N/A | 112.00 | N/A | 101.41 | 19 |
| 6 | N/A | N/A | N/A | 112.00 | N/A | 110.10 | 20 |
| 7 | N/A | N/A | N/A | 112.00 | N/A | 120.75 | 21 |
| 8 | N/A | N/A | N/A | 112.00 | N/A | 132.84 | 22 |
| 9 | N/A | N/A | N/A | 112.00 | N/A | 146.68 | 23 |
| 10 | N/A | N/A | N/A | 112.00 | N/A | 161.70 | 24 |
| 15 | N/A | N/A | N/A | 112.00 | N/A | 253.94 | 29 |
| 20 | N/A | N/A | N/A | 112.00 | N/A | 341.01 | 34 |
| 30 | N/A | N/A | N/A | 112.00 | N/A | 359.90 | 44 |
| 40 | N/A | N/A | N/A | 112.00 | N/A | N/A | 54 |
| 50 | N/A | N/A | N/A | 112.00 | N/A | N/A | 64 |
| 60 | N/A | N/A | N/A | N/A | N/A | N/A | 74 |
| 66 | N/A | N/A | N/A | N/A | N/A | N/A | 80 |

**Nota:**

1. Manfaat yang dibayar untuk FWD IL CI (Accelerated) akan mempercepat pembayaran manfaat daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan dan daripada Nilai Akaun Pelaburan (sepenuhnya atau secara berkadar), bergantung pada Nilai Akaun Pelaburan. Baki Jumlah Asas yang Diinsuranskan (jika ada) akan terus berkuatkuasa.
2. Caj insurans yang ditunjukkan untuk FWD IL CI (Accelerated), FWD IL Medicare, FWD IL Living Extra (WOP) dan FWD IL WOP adalah **TIDAK DIJAMIN** dan mungkin akan diubah oleh Syarikat pada Ulang Tahun Polisi dengan memberi 30 hari notis untuk sebarang perubahan sekiranya pengalaman tuntutan sebenar adalah lebih teruk daripada yang dijangka.
3. Caj insurans yang ditunjukkan untuk FWD IL PA adalah **TIDAK DIJAMIN** dan mungkin akan diubah oleh Syarikat pada Ulang Tahun Polisi dengan memberi 90 hari notis untuk sebarang perubahan sekiranya pengalaman tuntutan sebenar adalah lebih teruk daripada yang dijangka.
4. Caj insurans yang ditunjukkan akan berbeza berdasarkan umur yang dicapai oleh Orang yang Diinsuranskan.
5. Caj insurans rider dibayar melalui penolakan unit.
6. Sekiranya '0' muncul dalam ilustrasi di atas, ini bermakna Nilai Akaun Pelaburan telah menjadi sifar atau negatif kerana ia tidak lagi mencukupi untuk menyokong caj. Apabila ini berlaku, polisi berkaitan pelaburan Anda akan lupus dan Anda tidak akan ada perlindungan insurans selepas itu.

## Pengesahan Pemilik Polisi

Saya memahami bahawa FWD Insurance Berhad bergantung kepada saya untuk mengesahkan maklumat berikut. Saya juga mengesahkan bahawa:

- Saya telah menerima salinan kesemua 8 halaman ilustrasi ini (Bahasa Malaysia sahaja). Saya telah mengkaji ilustrasi ini dan saya memahami bahawa tujuannya adalah untuk membantu saya memahami bagaimana Polisi ini berfungsi dan bukannya untuk mengunjurkan nilai masa depan.
- Saya faham bahawa ini adalah pelan berkaitan pelaburan. Saya juga memahami bahawa jika pembayaran premium tidak dilakukan atau jika nilai akaun pelaburan menjadi sifar, Polisi ini akan luput.
- Saya telah menerima satu salinan Helaian Keterangan Produk (HKP) yang terkini untuk produk ini.

Saya memahami bahawa sebarang ilustrasi yang dibentangkan kepada saya oleh Ejen FWD Insurance saya sebelum ini mungkin berlainan daripada ilustrasi ini oleh sebab pertukaran umur Orang yang Diinsuranskan.

Dengan menandatangani ilustrasi ini, saya memahami bahawa saya masih boleh mengambil tindakan atau bantuan jika timbul sebarang pertikaian pada masa depan.

Tandatangan Pemilik Polisi

Tarikh: 17/07/2024

Nama: Maslinda

## Pengesahan Ejen FWD Insurance

Saya mengesahkan bahawa ilustrasi ini telah dibentangkan kepada Pemilik Polisi dan saya telah menerangkan bahawa sebarang elemen TIDAK DIJAMIN yang diilustrasikan adalah tertakluk kepada perubahan.

Saya tidak membuat sebarang kenyataan yang tidak konsisten dengan ilustrasi ini.

Tandatangan Ejen FWD Insurance

Tarikh: 17/07/2024

Nama: NURHUXXXZALINXXXINTIXXXXXXXXX HUSSIN

# Helaian Keterangan Produk

**Nota: Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk membeli QasehLink Pintar Plus. Anda juga patut membaca terma dan syarat umum bagi produk ini.**

| | |
|---|---|
| **Nama Institusi Kewangan:** | FWD Insurance Berhad |
| **Nama Produk:** | QasehLink Pintar Plus |
| **Jumlah Asas yang Diinsuranskan:** | RM 108,000.00 |
| **Tarikh:** | 17/07/2024 |

## 1. Apakah produk ini?

QasehLink Pintar Plus adalah satu pelan insurans premium berkala berkaitan pelaburan yang menawarkan manfaat kombinasi perlindungan insurans dan pelaburan. Produk ini memberi perlindungan kepada Orang yang Diinsuranskan sehingga berumur 100 tahun. Produk ini memberi manfaat sekaligus semasa Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia dalam tempoh polisi atau hilang upaya menyeluruh dan kekal sebelum Ulang Tahun Polisi selepas Orang yang Diinsuranskan mencapai umur 75 tahun atau kematangan Polisi. Produk in juga mempunyai Smart Protection yang meningkatkan Jumlah Asas yang Diinsuranskan setiap tahun polisi ke-5 setinggi 4 kali ganda, dan Wealth Bonus, yang dikreditkan ke akaun pelaburan dengan kadar peruntukan 100% setiap tahun polisi ke-10 sehingga matang.

Nilai pelan insurans berkaitan pelaburan adalah bergantung kepada nilai Unit dan prestasi dana-dana yang dipilih oleh Anda.

## 2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

<table>
<tr><th colspan="2">Ringkasan manfaat di bawah pelan asas Anda</th></tr>
<tr><td colspan="2">QasehLink Pintar Plus menyediakan manfaat berikut semasa Polisi masih berkuatkuasa:</td></tr>
<tr><td>Manfaat Kematian</td><td>Apabila berlaku kematian Orang yang Diinsuranskan, 100% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan (tertakluk kepada lien juvenil dan lien pengunderaitan, jika ada) atau Nilai Akaun Pelaburan (jika ada), yang mana lebih tinggi akan dibayar.<br><br>Selepas itu, Polisi Anda akan ditamatkan.</td></tr>
<tr><td>Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)</td><td>Apabila berlaku HUMK Orang yang Diinsuranskan sebelum Ulang Tahun Polisi selepas Orang yang Diinsuranskan berumur 75 tahun, 100% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan (tertakluk kepada lien juvenil dan lien pengunderaitan, jika ada) atau Nilai Akaun Pelaburan, yang mana lebih tinggi akan dibayar.<br><br>Jika tuntutan HUMK menggunakan sepenuhnya Jumlah Asas yang Diinsuranskan, Polisi akan ditamatkan. Jika terdapat baki Jumlah Asas yang Diinsuranskan selepas pembayaran tuntutan HUMK, Manfaat HUMK akan ditamatkan.<br><br>Maksimum Manfaat HUMK adalah RM4.0 juta bagi setiap hayat.</td></tr>
<tr><td>Smart Protection</td><td>Jumlah Asas yang Diinsuranskan akan meningkat sebanyak 5% berdasarkan Jumlah Asas yang Diinsuranskan permulaan atau semasa, yang mana lebih rendah, selepas setiap tahun Polisi ke-5 setinggi 4 kali, seperti berikut:<br><br><table><tr><th>Pada Permulaan Tahun Polisi</th><th>Peratusan Peningkatan</th></tr><tr><td>ke-6</td><td>5%</td></tr><tr><td>ke-11</td><td>5%</td></tr><tr><td>ke-16</td><td>5%</td></tr><tr><td>ke-21</td><td>5%</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>Wealth Bonus</td><td>5% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan permulaan akan dikreditkan ke akaun pelaburan dengan kadar peruntukan 100% setiap tahun Polisi ke-10 sehingga matang Polisi.<br><br>Polisi Subsidiari di bawah pelan keluarga akan menerima Wealth Bonus tambahan 1% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan permulaan akan dikreditkan ke akaun pelaburan dengan kadar peruntukan 100% setiap tahun Polisi ke-10 sehingga matang Polisi.</td></tr>
</table>

| | |
|---|---|
| Manfaat Matang | Apabila Polisi ini matang, Nilai Akaun Pelaburan (jika ada) akan dibayar sekaligus. Nilai Akaun Pelaburan akan dibayar berdasarkan harga Unit pada Tarikh Penilaian seterusnya. |
| Jaminan Tidak Luput | Bagi tempoh 5 Tahun Polisi pertama, Polisi ini dijamin tidak akan luput sekiranya:<br>(a) semua premium yang perlu dibayar di bawah Polisi ini dibayar dalam tempoh 30 hari dari tarikh akhir premium;<br>(b) tiada Unit dikeluarkan dari Polisi dalam tempoh ini; dan<br>(c) tiada perubahan yang mengakibatkan penolakan Unit yang lebih tinggi dibuat kepada Polisi ini. |

Peringatan: Sila baca Kolateral Jualan dan Pemasaran yang merangkumi manfaat dan objektif dana-dana berkaitan pelaburan. Adalah penting untuk memilih pelan atau kombinasi dana-dana yang bersesuaian matlamat kewangan dan profil risiko Anda. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk definisi, terma dan syarat yang tepat.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

## 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

- Jumlah premium yang perlu Anda bayar: RM 1,800.00 Tahunan. Sila tambah kadar semasa Cukai Perkhidmatan atas premium, jika Pemilik Polisi merupakan suatu pertubuhan perniagaan atau apabila hak Polisi ini diserahkan secara mutlak kepada suatu pertubuhan perniagaan.
- Jumlah premium yang perlu Anda bayar dan tempoh polisi mungkin berbeza mengikut keperluan pengunderaitan Kami.
- Kami akan memperuntukkan sebahagian premium Kontrak Asas untuk membeli Unit dana berkaitan pelaburan yang Anda pilih. Sebarang jumlah yang tidak diperuntukkan akan digunakan untuk membayar komisen kepada pengantara jualan dan perbelanjaan lain Kami. Anda dinasihatkan merujuk kepada kadar peruntukan di dalam Ilustrasi Jualan.

## 4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

- Caj Insurans - Caj perlindungan insurans adalah ditolak secara bulanan daripada nilai Unit Anda. Caj insurans akan berbeza mengikut pada perlindungan yang dipilih, umur, dan keperluan pengunderaitan Kami. Caj insurans akan meningkat semasa Anda lebih tua. Butiran caj insurans dan caj lain-lain untuk polisi berkaitan pelaburan boleh didapati di dalam Ilustrasi Jualan. Butiran caj insurans dan caj lain- lain untuk polisi berkaitan pelaburan yang ditunjukkan dalam Ilustrasi Jualan adalah berdasarkan risiko standard. Caj insurans adalah **TIDAK DIJAMIN**. Jika Kami menukar caj insurans Anda, perubahan akan berkuat kuasa pada Ulang Tahun Polisi seterusnya. Kami akan memberitahu Anda secara bertulis 90 hari terlebih dahulu.
- Duti Setem - Anda mungkin perlu membayar duti setem yang berkenaan.
- Caj Perkhidmatan Bulanan yang dikenakan akan bergantung kepada kekerapan pembayaran premium yang dipilih. Caj Perkhidmatan Bulanan (termasuk cukai yang dikenakan pada kadar semasa) adalah ditolak daripada nilai Unit Anda seperti berikut:

| Kekerapan Pembayaran Premium | Caj Perkhidmatan Bulanan |
|---|---|
| Bulanan | RM9 sebulan |
| Suku Tahunan, Setengah Tahunan atau Tahunan | RM8 sebulan |

- Caj Pertukaran - Pada masa ini, tiada caj dikenakan ke atas pertukaran dana. Walau bagaimanapun, Kami berhak untuk mengenakan caj bagi urus niaga sebegini pada masa akan datang.
- Caj Tambah Nilai - Pada masa ini, tiada caj dikenakan ke atas Tambah Nilai Tunggal. Walau bagaimanapun, Kami berhak untuk mengenakan caj bagi urus niaga sebegini pada masa akan datang.
- Caj Pengalihan Semula Premium - Pada masa ini, tiada caj dikenakan ke atas pengalihan semula premium. Walau bagaimanapun, Kami berhak untuk mengenakan caj bagi urus niaga sebegini pada masa akan datang.
- Caj Pengurusan Dana yang dikenakan akan bergantung kepada dana yang dipilih. Caj Pengurusan Dana untuk dana masing-masing adalah dikenakan seperti berikut:

| Dana | Caj Pengurusan Dana |
|---|---|
| Dana FWD Invest Dividend | 1.50% setahun daripada nilai dana |
| Dana FWD Invest Bond | 1.00% setahun daripada nilai dana |
| Dana FWD Invest-i Global Balanced Hedged | 1.25% setahun daripada nilai dana |

- Caj Pengeluaran Separa dan Caj Pengeluaran Penuh (Serahan Polisi) dikenakan seperti berikut:

| Tahun Polisi | Caj Pengeluaran Separa dan Caj Pengeluaran Penuh (Serahan Polisi) (% Amaun Pengeluaran) |
|---|---|
| 1 hingga 2 | 10% |
| 3 hingga 4 | 5% |
| 5 dan seterusnya | 0% |

- Komisen akan ditanggung oleh Anda dan dibayar daripada premium asas Anda seperti berikut:

| Tahun Polisi | Komisen | |
|---|---|---|
| | % | RM |
| 1 | 35.00 | 420.00 |
| 2 | 25.00 | 300.00 |
| 3 | 15.00 | 180.00 |
| 4 | 15.00 | 180.00 |
| 5 | 10.00 | 120.00 |
| 6 dan seterusnya | 0.00 | 0.00 |
| Jumlah | 100.00 | 1,200.00 |

Komisen akan ditanggung oleh Anda dan dibayar daripada premium tokokan berkala adalah 3.75% daripada premium tambahan.

Nota:
1. Caj-caj adalah tidak dijamin dan mungkin berubah pada masa akan datang dengan memberi Anda 90 hari notis terlebih dahulu.
2. Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada dokumen-dokumen polisi untuk maklumat lanjut.

## 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- Kepentingan pendedahan - Anda perlu mendedahkan semua fakta-fakta penting yang akan mempengaruhi profil risiko Anda dan/atau Orang yang Diinsuranskan seperti keadaan kesihatan dan pekerjaan dan menyatakan umur Anda dan/atau Orang yang Diinsuranskan dengan tepat. Anda juga seharusnya memberikan maklumat secukupnya dan tepat untuk membolehkan Kami menasihati Anda tentang kesesuaian pelan ini, dengan mengambil pertimbangan kesesuaian pelan ini dengan keperluan dan keadaan Anda.
- Tempoh pengamatan percuma - Anda boleh membatalkan pelan insurans berkaitan pelaburan Anda dengan mengembalikan Polisi dalam masa 15 hari selepas tarikh penghantaran Polisi kepada Anda. Kami akan memulangkan Anda premium-premium yang tidak diperuntukkan, nilai Unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga Unit pada Tarikh Penilaian seterusnya dan sebarang caj insurans serta Caj Perkhidmatan Bulanan yang telah dibayar, selepas ditolah kos perubatan.
- Lien Juvenil - Sekiranya Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia atau menjadi HUMK sebelum hari jadi Orang yang Diinsuranskan ke-4, Manfaat Kematian dan Manfaat HUMK yang akan dibayar adalah peratusan Jumlah yang Diinsuranskan seperti yang dinyatakan di bawah;

| Umur semasa Kematian atau HUMK | Peratusan Jumlah yang Diinsuranskan akan Dibayar |
|---|---|
| Sebelum hari jadi pertama | 20% |
| Dari hari jadi pertama tetapi sebelum hari jadi ke-2 | 40% |
| Dari hari jadi ke-2 tetapi sebelum hari jadi ke-3 | 60% |
| Dari hari jadi ke-3 tetapi sebelum hari jadi ke-4 | 80% |
| Dari hari jadi ke-4 dan seterusnya | 100% |

- Lien Pengunderaitan – Manfaat Kematian dan Manfaat HUMK yang akan dibayar adalah peratusan Jumlah yang Diinsuranskan seperti yang dinyatakan di bawah;

| Tahun Polisi Apabila Tuntutan | Peratusan Jumlah yang Diinsuranskan akan Dibayar |
|---|---|
| Semasa Tahun Polisi Pertama | 25% |
| Semasa Tahun Polisi Ke-2 | 50% |
| Dari Tahun Polisi Ke-3 dan seterusnya | 100% |

- Nilai Akaun Pelaburan - Nilai Akaun Pelaburan bagi pelan insurans berkaitan pelaburan Anda adalah bergantung kepada prestasi dana-dana yang dipilih. Jika caj insurans adalah lebih tinggi, lebih banyak unit akan ditolak untuk membayar caj insurans dan lebih kurang Unit akan dikekalkan untuk mengumpul Nilai Akaun Pelaburan untuk Polisi Anda.
- Pelan insurans berkaitan pelaburan akan luput apabila nilai Unit pelaburan tidak mencukupi untuk membayar caj insurans dan caj lain-lain. Unit yang tidak mencukupi mungkin disebabkan oleh pulangan pelaburan yang teruk, caj insurans yang tinggi selama ini, Cuti Premium atau pengeluaran separa.
- Sekiranya pelan insurans berkaitan pelaburan Anda luput kerana Nilai Akaun Pelaburan yang tidak mencukupi, Anda boleh menyerahkan permohonan bertulis untuk mengembalikan semula pelan insurans berkaitan pelaburan.
- Apabila berlaku tuntutan, Anda atau wakil Anda mesti memberikan notis bertulis secepat mungkin kepada Kami. Sebarang kelewatan dalam pembuatan demikian boleh menjejaskan taksiran tuntutan Kami. Sila hubungi wakil perkhidmatan pelanggan Kami yang akan membimbing Anda atau wakil Anda dalam pengemukaan tuntutan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Kontrak Asas untuk terma dan syarat di bawah Polisi ini.

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah Polisi ini?

Polisi ini mempunyai beberapa pengecualian tertentu, di mana manfaat tidak akan dibayar di dalam situasi-situasi tertentu. Di sini Kami senaraikan pengecualian yang terpakai untuk Polisi Anda. Kami juga mungkin akan mengenakan pengecualian khusus apabila Kami menawarkan Polisi ini kepada Anda. Jika sebarang pengecualian khusus dikenakan, Kami akan merekodkan butiran tersebut dalam Endorsan Polisi Anda.

| Pengecualian | Penerangan |
|---|---|
| Bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri | Kami tidak akan membayar Jumlah Asas yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini jika tuntutan akibat daripada bunuh diri, cubaan membunuh diri, atau tindakan mencederakan diri sendiri yang dilakukan oleh Orang yang Diinsuranskan dalam tempoh satu tahun dari:<br>▪ permulaan Polisi Anda, atau tarikh terakhir Kami mengembalikan Polisi Anda; atau<br>▪ tarikh terakhir yang Kami membenarkan tambahan Jumlah Asas yang Diinsuranskan di bawah Polisi Anda.<br><br>Ini adalah terpakai tanpa mengira keadaan mental Orang yang Diinsuranskan. |
| Tindakan menyalahi undang-undang | Kami tidak akan membayar Manfaat Kematian atau Manfaat HUMK di bawah Polisi ini jika tuntutan akibat apabila Anda atau Orang yang Diinsuranskan menyertai tindakan yang menyalahi undang- undang atau gagal untuk bertindak mengikut undang-undang. |
| Tindakan berperang | Kami tidak akan membayar Jumlah Asas yang Diinsuranskan di bawah Polisi ini jika tuntutan akibat tindakan berperang (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan atau apa-apa peristiwa yang seumpama dengannya. |

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Kontrak Asas untuk keseluruhan pengecualian di bawah Polisi ini.

## 7. Bolehkah saya membatalkan Polisi ini?

Pembelian pelan insurans berkaitan pelaburan premium berkala adalah komitmen jangka masa panjang. Anda dinasihatkan untuk tidak memegang Polisi ini dalam jangka masa pendek kerana kos permulaan yang tinggi. Jika Anda mendapati dana-dana yang dipilih oleh Anda tidak lagi sesuai, Anda mempunyai fleksibiliti untuk menukar dana. Anda boleh menukar dana tanpa yuran.

Jika Polisi Anda sudah dikeluarkan, dan Anda membuat keputusan untuk membatalkan Polisi Anda, atas apa sahaja sebab, Anda boleh memulangkan Polisi kepada Kami untuk pembatalan. Jika permintaan untuk pembatalan diterima oleh Kami dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran Polisi Anda, Kami akan membayar balik Anda premium yang belum diperuntukkan, nilai Unit yang telah diperuntukkan (jika ada) berdasarkan harga Unit pada Tarikh Penilaian seterusnya dan apa-apa caj insurans

dan caj perkhidmatan bulanan yang telah ditolak, tolak sebarang perbelanjaan perubatan. Jika Anda membatalkan Polisi selepas 15 hari dari tarikh penghantaran Polisi Anda, baki nilai-nilai dana daripada Polisi Asas bedasarkan harga Unit pada Tarikh Penilaian seterusnya akan dikembalikan.

## 8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya/ penama?

Anda hendaklah memaklumkan kepada Kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan Anda/penama Anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada Anda/penama Anda dengan sepatutnya.

## 9. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

**FWD Insurance Berhad** 199301022976 [277714-A]

| | | |
|---|---|---|
| Ibu Pejabat | : | Level 21, Mercu 2, KL Eco City,<br>No.3 Jalan Bangsar,<br>59200 Kuala Lumpur, Malaysia |
| Talian Khidmat Pelanggan | : | 1300-22-6262 |
| Laman Web | : | fwd.com.my |
| E-mel | : | ask@fwd.com |

## 10. Jenis perlindungan lain yang serupa

Sila rujuk kepada Kami atau ejen pengantara Kami untuk pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh Kami.

**NOTA PENTING:**
**INI MERUPAKAN PRODUK INSURANS BERLANDASKAN PRESTASI YANG MENDASARI ASET DAN BUKAN SUATU PRODUK PELABURAN SEBENAR SEPERTI UNIT AMANAH. ANDA PERLU MENILAI PILIHAN YANG ADA DENGAN TELITI DAN BERPUAS HATI DENGAN PILIHAN PELAN BERKAITAN PELABURAN UNTUK MEMENUHI SELERA RISIKO PELABURAN ANDA SERTA KEMAMPUAN MEMBAYAR PREMIUM DI SEPANJANG TEMPOH POLISI. UNTUK MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA- BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBUAT 'TAMBAH NILAI'. PULANGAN KE ATAS DANA BERKAITAN PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN.**

Notis Penting Lain:

1. Anda harus mempertimbangkan perkara berikut sebelum Anda membeli polisi insurans berkaitan pelaburan untuk memastikan Polisi tersebut memenuhi keperluan kewangan dan matlamat-matlamat Anda:
   (a) Anda haruslah berpuas hati bahawa Polisi ini memenuhi keperluan Anda serta premium yang perlu dibayar di bawah Polisi ini adalah di dalam kemampuan Anda;
   (b) Sama ada peruntukan premium insurans bagi perlindungan dan pelaburan memenuhi keadaan kewangan Anda;
   (c) Sama ada dana berkaitan pelaburan yang dipilih sepadan dengan objektif dan selera risiko pelaburan Anda; dan
   (d) Sama ada Anda memahami risiko kewangan dan potensi kerugian yang mungkin timbul daripada melabur dalam polisi insurans berkaitan pelaburan.
2. Anda dinasihatkan untuk menamakan seorang penama untuk Polisi Anda dan memastikan penama sedar dan mengetahui tentang Polisi yang telah Anda beli. Kegagalan untuk membuat penamaan mungkin menangguhkan pembayaran manfaat-manfaat.
3. Anda boleh menukar pemilikan Polisi ini melalui penyerahan hak dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Pertukaran pemilikan Polisi ini hanya berkuatkuasa selepas Kami menerima notis bertulis.
4. Perlindungan insurans hanya berkuatkuasa dari Tarikh Permulaan Polisi ini.
5. Anda dinasihatkan untuk menyimpan resit sebagai bukti pembayaran premium.
6. Penggantian Polisi insurans hayat sedia ada dengan Polisi yang baru mungkin tidak membawa faedah. Jika Anda merancang untuk berbuat demikian, Kami mencadangkan Anda mendapatkan nasihat dari syarikat insurans Anda sebelum membuat keputusan muktamad.
7. Nilai serahan Polisi adalah Nilai Akaun Pelaburan selepas menolak penalti serahan (jika ada). Jika Anda menyerahkan Polisi Anda pada tahun-tahun awal, Anda mungkin menerima amaun yang jauh lebih kurang daripada premium yang telah dibayar.
8. Anda boleh memberhentikan sementara pembayaran premium selagi Nilai Akaun Pelaburan Polisi ini mencukupi untuk menampung bayaran. Caj akan terus ditolak semasa Cuti Premium. Sekiranya Nilai Akaun Pelaburan menjadi sifar atau negatif, Polisi ini akan luput dan Anda tidak akan ada perlindungan insurans selepas itu.
9. Anda boleh mengubah tahap manfaat kematian dan premium dan menukar dana berkaitan pelaburan. Anda juga boleh melakukan Tokokan Tunggal atau Tokokan Berkala pada bila-bila masa bagi meningkatkan pelaburan Polisi Anda tanpa sebarang perubahan terhadap perlindungan insurans. Sila rujuk Kontrak Asas untuk syarat-syarat bagi setiap opsyen-opsyen.

10. Polisi ini mungkin layak untuk perlepasan cukai tertakluk kepada kelulusan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.
11. Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "Cukai Berkenaan") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Polisi ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai bayaran tambahan kepada premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Polisi ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran akan turut digunapakai dengan Cukai Berkenaan.

FWD Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
Maklumat yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada 17/07/2024.

FWD insurance BSN

# Helaian Keterangan Produk

**Nota: Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk membeli FWD IL PA. Anda juga patut membaca terma dan syarat umum bagi produk ini.**

| | |
|---|---|
| **Nama Institusi Kewangan:** | FWD Insurance Berhad |
| **Nama Produk:** | FWD IL PA |
| **Jumlah yang Diinsuranskan:** | RM 80,000.00 |
| **Tarikh:** | 17/07/2024 |

## 1. Apakah produk ini?

FWD IL PA adalah rider dengan penolakan unit yang memberi perlindungan kepada Kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal Orang yang Diinsuranskan yang disebabkan oleh Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan sehingga umur 70 tahun. Rider ini boleh dilampirkan kepada pelan insurans premium berkala berkaitan pelaburan.

## 2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

**Ringkasan manfaat di bawah rider Anda**

Manfaat yang ditawarkan adalah dalam jadual di bawah sementara Kontrak Tambahan masih berkuatkuasa.

| Manfaat | Bayaran |
|---|---|
| Kematian disebabkan Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan | 100% dari Jumlah yang Diinsuranskan |
| Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal disebabkan Kecederaan Anggota Badan Akibat Kemalangan | Sehingga 100% daripada Jumlah yang Diinsuranskan |
| Ganti Rugi Berganda atas Kehilangan Nyawa<br>• Kematian akibat kemalangan berlaku ketika Orang Yang Diinsuranskan berada di Pengangkutan Awam atau Bangunan Awam. | 200% dari Jumlah yang Diinsuranskan |

Peringatan: Sila rujuk Kontrak Tambahan untuk definisi, terma dan syarat yang tepat.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

## 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Tidak berkenaan kerana rider ini adalah rider dengan penolakan unit. Kos Insurans akan ditolak secara bulanan daripada nilai Unit Anda.

## 4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Caj perlindungan insurans adalah ditolak secara bulanan daripada nilai Unit Anda. Caj insurans akan meningkat semasa pertambahan usia Anda. Keterangan lanjut untuk caj insurans dan caj lain-lain untuk Kontrak Tambahan boleh didapati dalam Ilustrasi Jualan. Caj insurans adalah **TIDAK DIJAMIN**. Jika kami mengubah caj insurans rider Anda, perubahan akan berkuat kuasa pada Ulang Tahun Polisi seterusnya. Kami akan memberitahu Anda secara bertulis 90 hari terlebih dahulu.

## 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- Kepentingan pendedahan – Anda perlu mendedahkan semua fakta-fakta penting yang akan mempengaruhi profil risiko Anda dan/ atau Orang yang Diinsuranskan seperti keadaan kesihatan dan pekerjaan, serta menyatakan umur Anda dan / atau Orang yang Diinsuranskan dengan tepat.
- Tempoh pengamatan percuma– Anda boleh membatalkan pelan insurans berkaitan pelaburan Anda dengan mengembalikan Polisi dalam masa lima belas (15) hari selepas tarikh penghantaran Polisi kepada Anda. Kami akan memulangkan Anda premium- premium yang tidak diperuntukkan, nilai Unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga Unit pada Tarikh Penilaian seterusnya dan sebarang caj insurans serta Caj Perkhidmatan Bulanan yang telah dibayar, selepas ditolak kos perubatan.

- Lien Juvenil – Sekiranya Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia atau menjadi Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) sebelum hari jadi Orang yang Diinsuranskan yang ke-4, manfaat yang akan dibayar adalah peratusan jumlah yang diinsuranskan seperti yang dinyatakan di bawah;

| Umur semasa Kematian atau HUMK | Peratusan Jumlah yang Diinsuranskan akan Dibayar |
|---|---|
| Sebelum hari jadi pertama | 20% |
| Dari hari jadi pertama tetapi sebelum hari jadi ke-2 | 40% |
| Dari hari jadi ke-2 tetapi sebelum hari jadi ke-3 | 60% |
| Dari hari jadi ke-3 tetapi sebelum hari jadi ke-4 | 80% |
| Dari hari jadi ke-4 dan seterusnya | 100% |

- Lien Pengunderaitan – Manfaat yang akan dibayar adalah peratusan Jumlah yang Diinsuranskan seperti yang dinyatakan di bawah:

| Tahun Polisi Apabila Tuntutan | Peratusan Jumlah yang Diinsuranskan akan Dibayar |
|---|---|
| Semasa Tahun Polisi pertama | 25% |
| Semasa Tahun Polisi Ke-2 | 50% |
| Dari Tahun Polisi ke-3 dan seterusnya | 100% |

- Pelan insurans berkaitan pelaburan akan luput apabila nilai Unit pelaburan tidak mencukupi untuk membayar caj insurans dan caj lain-lain. Unit yang tidak mencukupi mungkin disebabkan oleh pulangan pelaburan yang teruk, caj insurans yang tinggi selama ini, Cuti Premium atau pengeluaran separa.
- Anda atau wakil Anda mesti memberikan notis bertulis kepada Kami secepat mungkin selepas peristiwa tuntutan. Sebarang kelewatan dalam pembuatan demikian boleh menjejaskan taksiran tuntutan Kami. Sila hubungi wakil perkhidmatan pelanggan Kami yang akan membimbing Anda atau wakil Anda dalam pengemukaan tuntutan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Kontrak Tambahan untuk terma dan syarat di bawah rider ini.

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah rider ini?

Rider ini mempunyai beberapa pengecualian tertentu, di mana manfaat tidak akan dibayar di dalam situasi-situasi tertentu. Di sini Kami senaraikan pengecualian yang terpakai untuk rider Anda. Kami juga mungkin akan mengenakan pengecualian khusus apabila Kami menawarkan rider ini kepada Anda. Jika sebarang pengecualian khusus dikenakan, Kami akan merekodkan butiran tersebut dalam Endorsan Anda.

| Pengecualian | Penerangan |
|---|---|
| Bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederakan diri sendiri | Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah Kontrak Tambahan ini jika tuntutan akibat daripada perbuatan bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederaan diri sendiri yang dilakukan oleh Orang yang Diinsuranskan dalam tempoh satu tahun dari:<br>▪ permulaan Kontrak Tambahan Anda, atau tarikh terakhir yang Kami mengembalikan Kontrak Tambahan Anda; atau<br>▪ tarikh terakhir yang Kami membenarkan tambahan Jumlah Asas yang Diinsuranskan di bawah Kontrak Tambahan Anda.<br><br>Ini adalah terpakai tanpa mengira keadaan mental Orang yang Diinsuranskan. |
| Tindakan menyalahi undang-undang | Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah Kontrak Tambahan ini jika tuntutan akibat apabila Anda atau Orang yang Diinsuranskan menyertai tindakan yang menyalahi undang- undang atau gagal untuk bertindak mengikut undang-undang. |
| Tindakan berperang | Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah Kontrak Tambahan ini jika tuntutan akibat tindakan perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan atau apa- apa peristiwa yang seumpama dengannya. |

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Kontrak Tambahan untuk senarai pengecualian yang penuh di bawah rider ini.

## 7. Bolehkah saya membatalkan rider ini?

Anda boleh membatalkan rider Anda dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Selepas itu, tiada perlindungan insurans akan diperuntukkan di bawah Kontrak Tambahan ini. Rider ini bukan pelan simpanan dan tiada nilai tunai akan dipulangkan semasa penyerahan atau penamatan.

## 8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya/ penama?

Anda hendaklah memaklumkan kepada Kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan Anda/penama Anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada Anda/penama Anda dengan sepatutnya.

## 9. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

**FWD Insurance Berhad** 199301022976 [277714-A]

| | | |
|---|---|---|
| Ibu Pejabat | : | Level 21, Mercu 2, KL Eco City,<br>No.3 Jalan Bangsar,<br>59200 Kuala Lumpur, Malaysia |
| Talian Khidmat Pelanggan | : | 1300-22-6262 |
| Laman Web | : | fwd.com.my |
| E-mel | : | ask@fwd.com |

## 10. Jenis perlindungan lain yang serupa

Sila rujuk kepada Kami atau ejen pengantara Kami untuk pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh Kami.

**NOTA PENTING:**
**INI MERUPAKAN PRODUK INSURANS BERLANDASKAN PRESTASI YANG MENDASARI ASET DAN BUKAN SUATU PRODUK PELABURAN SEBENAR SEPERTI UNIT AMANAH. ANDA PERLU MENILAI PILIHAN YANG ADA DENGAN TELITI DAN BERPUAS HATI DENGAN PILIHAN PELAN BERKAITAN PELABURAN UNTUK MEMENUHI SELERA RISIKO PELABURAN ANDA SERTA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM DI SEPANJANG TEMPOH POLISI. UNTUK MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBUAT 'TAMBAH NILAI'. PULANGAN KE ATAS DANA BERKAITAN PELABURAN TIDAK DIJAMIN.**

Notis Penting Lain:
1. Anda harus berpuas hati bahawa rider ini memenuhi keperluan Anda serta Caj Insurans di bawah rider ini adalah di dalam kemampuan Anda.
2. Perlindungan insurans hanya akan berkuat kuasa dari Tarikh Permulaan Kontrak Tambahan rider ini.
3. Anda dinasihatkan untuk menyimpan resit sebagai bukti pembayaran premium.
4. Penggantian polisi insurans hayat sedia ada dengan polisi yang baru mungkin tidak membawa faedah. Jika Anda merancang untuk berbuat demikian, Kami mencadangkan Anda mendapatkan nasihat dari syarikat insurans Anda sebelum membuat keputusan muktamad.
5. Polisi ini mungkin layak untuk perlepasan cukai tertakluk kepada kelulusan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.
6. Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "Cukai Berkenaan") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang- undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/ atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Polisi ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai bayaran tambahan kepada premium dan caj- caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Polisi ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran akan turut digunapakai dengan Cukai Berkenaan.

FWD Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
Maklumat yang disediakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada 17/07/2024.

FWD insurance BSN

# Helaian Keterangan Produk

**Nota: Sila baca Helaian Keterangan Produk ini sebelum Anda membuat keputusan untuk membeli FWD IL WOP. Anda juga patut membaca terma dan syarat umum bagi produk ini.**

| | |
|---|---|
| **Nama Institusi Kewangan:** | FWD Insurance Berhad |
| **Nama Produk:** | FWD IL WOP |
| **Jumlah yang Diinsuranskan:** | RM 1,800.00 |
| **Tarikh:** | 17/07/2024 |

## 1. Apakah produk ini?

FWD IL WOP adalah rider dengan penolakan unit yang menyediakan penepian premium asas dan tokokan berkala (jika ada) apabila Kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) berlaku atau apabila didiagnosis dengan salah satu daripada 44 penyakit kritikal oleh Pemilik Polisi. Rider ini hanya akan digunapakai dengan Polisi pihak ke-3.

## 2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

**Ringkasan manfaat di bawah rider Anda**

Setelah Kematian atau HUMK berlaku atau apabila didiagnosis dengan salah satu daripada 44 penyakit kritikal oleh Pemilik Polisi, premium asas dan tokokan berkala (jika ada) akan diketepikan sehingga tarikh tamat tempoh rider.

Penyakit kritikal ditakrifkan sebagai salah satu daripada penyakit yang dinyatakan di bawah:

| | | |
|---|---|---|
| 1. Strok / Angin Ahmar - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom-simptom klinikal berterusan | 16. Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah | 31. Pembedahan Aorta |
| 2. Serangan Jantung - keterukan tertentu | 17. Penyakit Paru-paru Tahap Akhir | 32. Sklerosis Multipel |
| 3. Kegagalan Buah Pinggang - memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang | 18. Ensefalitis - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian | 33. Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - keterukan tertentu |
| 4. Kanser - keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal | 19. Transplan Organ Utama / Sumsum Tulang | 34. Penyakit Sistik Medular |
| 5. Pembedahan Pintasan Arteri Koronari | 20. Hilang Keupayaan Bertutur | 35. Kardiomiopati - keterukan tertentu |
| 6. Penyakit Arteri Koronari Serius | 21. Pembedahan Otak | 36. Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk |
| 7. AIDS Dengan Gejala Penuh | 22. Pembedahan Injap Jantung | 37. Sindrom Apallik |
| 8. Kegagalan Hati Tahap Akhir | 23. Penyakit Terminal | 38. Pankreatitis Berulangan Kronik |
| 9. Hepatitis Viral Fulminan | 24. Meningitis Bakteria - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian | 39. Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila) |

| | | |
|---|---|---|
| 10. Koma - mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal yang berterusan | 25. Trauma Kepala Major (teruk) - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian | 40. Elephantiasis |
| 11. Tumor Otak Benign - keterukan tertentu | 26. Anemia Aplastik Kronik - mengakibatkan Kegagalan Kekal Sumsum Tulang | 41. Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari) |
| 12. Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan | 27. Penyakit Neuron Motor - defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan | 42. Kelumpuhan Anggota |
| 13. Buta - Kekal dan Tidak Boleh Pulih | 28. Penyakit Parkinson - mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan Aktiviti Kehidupan Harian | 43. Poliomielitis |
| 14. Pekak - Kekal dan Tidak Boleh Pulih | 29. Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk | 44. Scleroderma Progresif |
| 15. Kelecuran Tahap Ketiga - keterukan tertentu | 30. Distrofi Otot | |

Peringatan: Sila rujuk Kontrak Tambahan untuk definisi, terma & syarat yang tepat.

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi FWD Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

## 3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Tidak berkenaan kerana ini adalah rider dengan penolakan unit. Kos Insurans akan ditolak secara bulanan daripada nilai Unit Anda.

## 4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Caj insurans akan ditolak secara bulanan dari nilai Unit Anda. Caj insurans akan meningkat semasa pertambahan usia Anda. Keterangan lanjut untuk caj insurans dan caj lain- lain untuk Kontrak Tambahan boleh didapati dalam Ilustrasi Jualan. Caj insurans adalah **TIDAK DIJAMIN**. Jika Kami mengubah caj insurans Anda, perubahan akan berkuat kuasa pada Ulang Tahun Polisi seterusnya. Kami akan memberitahu Anda secara bertulis 30 hari terlebih dahulu.

## 5. Apakah terma dan syarat utama yang saya perlu ketahui?

- Kepentingan pendedahan - Anda perlu mendedahkan semua fakta-fakta penting yang akan mempengaruhi profil risiko Anda seperti keadaan kesihatan dan perkerjaan, serta menyatakan umur Anda dengan tepat.
- Tempoh pengamatan percuma - Anda boleh membatalkan pelan insurans berkaitan pelaburan Anda dengan mengembalikan Kontrak Tambahan dalam masa lima belas (15) hari selepas tarikh penghantaran Kontrak Tambahan ini. Kami akan memulangkan Anda premium-premium yang tidak diperuntukkan, nilai Unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada harga Unit pada Tarikh Penilaian seterusnya dan sebarang caj insurans dan Caj Perkhidmatan Bulanan yang telah dibayar, selepas ditolak kos perubatan.
- Tempoh menunggu - Penyakit kritikal tertakluk kepada Tempoh Menunggu 30 hari dari Tarikh Permulaan rider ini atau tarikh pengembalian semula terakhir, yang mana kemudian. Tempoh Menunggu tambahan 30 hari (iaitu, jumlah Tempoh Menunggu 60 hari) terpakai kepada penyakit-penyakit kritikal berikut:
  (a) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari
  (b) Penyakit Arteri Koronari Serius
  (c) Kanser - keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal
  (d) Serangan Jantung - keterukan tertentu
- Pengenepian premium adalah dihadkan tidak melebihi daripada satu penyakit kritikal seperti yang ditentukan dalam Kontrak Tambahan.
- Pelan insurans berkaitan pelaburan akan luput apabila nilai Unit pelaburan tidak mencukupi untuk membayar insurans dan caj lain-lain. Unit yang tidak mencukupi mungkin disebabkan oleh pulangan pelaburan yang teruk, caj insurans yang tinggi

selama ini, Cuti Premium atau pengeluaran separa.
- Anda atau wakil Anda mesti memberikan notis bertulis kepada Kami secepat mungkin selepas peristiwa tuntutan. Sebarang kelewatan dalam pembuatan demikian boleh menjejaskan taksiran tuntutan Kami. Sila hubungi wakil perkhidmatan pelanggan Kami yang akan membimbing Anda atau wakil Anda dalam pengemukaan tuntutan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Kontrak Tambahan untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah rider ini.

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah rider ini?

Rider ini mempunyai beberapa pengecualian tertentu, di mana manfaat tidak akan dibayar di dalam situasi-situasi tertentu. Di sini Kami senaraikan pengecualian yang terpakai untuk rider Anda. Kami juga mungkin akan mengenakan pengecualian khusus apabila Kami menawarkan rider ini kepada Anda. Jika sebarang pengecualian khusus dikenakan, Kami akan merekodkan butiran tersebut dalam Endorsan Anda.

Untuk Kematian dan HUMK

| Pengecualian | Keterangan |
| --- | --- |
| Bunuh diri, cubaan bunuh diri atau mencederakan diri sendiri | Kami tidak akan mengetepikan premium asas dan tokokan berkala (jika ada) jika tuntutan akibat daripada perbuatan bunuh diri, cubaan membunuh diri atau tindakan mencederaan diri sendiri oleh Pemilik Polisi dalam tempoh satu tahun dari:<br>▪ permulaan Kontrak Tambahan, atau tarikh terakhir yang Kami mengembalikan semula Kontrak Tambahan Anda; atau<br>▪ tarikh terakhir yang Kami membenarkan tambahan Jumlah ynag Diinsuranskan di bawah Kontrak Tambahan Anda.<br><br>Hal ini berlaku tanpa memandang keadaan mental Orang yang Diinsuranskan. |
| Perbuatan yang menyalahi undang-undang | Kami tidak akan mengetepikan premium asas dan tokokan berkala (jika ada) jika tuntutan timbul akibat apabila Pemilik Polisi menyertai tindakan yang menyalahi undang- undang atau gagal untuk bertindak mengikut undang-undang. |
| Tindakan berperang | Kami tidak akan mengetepikan premium asas dan tokokan berkala (jika ada) jika tuntutan akibat dari tindakan perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), rampasan kuasa, revolusi, rusuhan atau apa-apa peristiwa yang seumpama dengannya. |

Untuk Penyakit Kritikal

| Pengecualian |
| --- |
| Kami tidak akan mengetepikan premium asas dan tokokan berkala (jika ada) jika penyakit kritikal secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagian disebabkan atau diakibatkan oleh:<br>▪ mana-mana Penyakit Sedia Ada;<br>▪ HIV atau penyakit berkaitan HIV atau AIDS kecuali Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah, serangan atau Pemindahan Organ, Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV) dijangkiti melalui Pekerjaan dan AIDS dengan gejala penuh seperti yang ditakrifkan dalam Kontrak Tambahan;<br>▪ penyakit kritikal didiagnosis dalam Tempoh Menunggu;<br>▪ semasa atau Pemilik Polisi di bawah pengaruh alkohol, narkotik, dadah atau racun atau akibat terhidu gas atau wasap;<br>▪ Pemilik Polisi melibatkan diri dalam aktiviti yang menyalahi undang-undang, jenayah atau pertengkaran;<br>▪ keganasan, perang (diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), pencerobohan, tindakan bermusuhan oleh musuh asing, permusuhan, perang saudara, pemberontakan, revolusi, pemberontakan, ketenteraan atau rampasan kuasa, penyertaan langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam. |

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk Kontrak Tambahan untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah rider ini.

## 7. Bolehkah saya membatalkan rider ini?

Anda boleh membatalkan rider Anda dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Selepas itu, tiada perlindungan insurans akan diperuntukkan di bawah Kontrak Tambahan ini. Rider ini bukan pelan simpanan dan oleh itu tiada nilai tunai akan dipulangkan pada penyerahan atau penamatan.

## 8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan butiran perhubungan saya/ penama?

Anda hendaklah memaklumkan kepada Kami jika terdapat sebarang perubahan butiran perhubungan Anda/penama Anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat diserahkan kepada Anda/penama Anda dengan sepatutnya.

## 9. Di manakah saya boleh mendapat maklumat lanjut?

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

**FWD Insurance Berhad** 199301022976 [277714-A]

| | | |
|---|---|---|
| Ibu Pejabat | : | Level 21, Mercu 2, KL Eco City,<br>No.3 Jalan Bangsar,<br>59200 Kuala Lumpur, Malaysia |
| Talian Khidmat Pelanggan | : | 1300-22-6262 |
| Laman Web | : | fwd.com.my |
| E-mel | : | ask@fwd.com |

## 10. Jenis perlindungan lain yang serupa

Sila rujuk kepada Kami atau ejen pengantara Kami untuk pelan lain yang serupa yang ditawarkan oleh Kami.

**NOTA PENTING:**
**INI MERUPAKAN PRODUK INSURANS BERLANDASKAN PRESTASI YANG MENDASARI ASET DAN BUKAN SUATU PRODUK PELABURAN SEBENAR SEPERTI UNIT AMANAH. ANDA PERLU MENILAI PILIHAN YANG ADA DENGAN TELITI DAN BERPUAS HATI DENGAN PILIHAN PELAN BERKAITAN PELABURAN UNTUK MEMENUHI SELERA RISIKO PELABURAN ANDA SERTA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM DI SEPANJANG TEMPOH POLISI. UNTUK MENINGKATKAN NILAI PELABURAN PADA BILA-BILA MASA, ANDA DINASIHATKAN UNTUK MEMBUAT 'TAMBAH NILAI'. PULANGAN KE ATAS DANA BERKAITAN PELABURAN TIDAK DIJAMIN.**

Notis Penting Lain:
1. Anda harus berpuas hati bahawa rider ini memenuhi keperluan Anda serta Caj Insurance di bawah rider ini adalah di dalam kemampuan Anda.
2. Perlindungan insurans hanya akan berkuat kuasa daripada Tarikh Permulaan Kontrak Tambahan rider ini.
3. Anda dinasihatkan untuk menyimpan resit sebagai bukti pembayaran premium.
4. Penggantian polisi insurans hayat sedia ada dengan polisi yang baru mungkin tidak membawa faedah. Jika Anda merancang untuk berbuat demikian, Kami mencadangkan Anda mendapatkan nasihat dari syarikat insurans Anda sebelum membuat keputusan muktamad.
5. Polisi ini mungkin layak untuk perlepasan cukai tertakluk kepada kelulusan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "Cukai Berkenaan") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Polisi ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai bayaran tambahan kepada premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Polisi ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran akan turut digunapakai dengan Cukai Berkenaan.

FWD Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
Maklumat yang dinyatakan dalam Helaian Keterangan Produk ini adalah sah pada 17/07/2024.